

Kenyataan akhbar:

Ulasan tentang kenyataan akhbar
Dr Mahathir Mohamed - Utusan Melayu,
29hb Julai, 1976

Kenyataan Dr Mahathir Mohamed, Timbalan Perdana Menteri Malaysia tentang maksud Kerajaan hendak mengkaji secara menyeluruh kemiskinan untuk mendapat segala maklumat bagi memastikan kejayaan pelaksanaan rancangan membasmi kemiskinan dibawah Rancangan Malaysia ke tiga adalah wajar semoga pembahagian yang lebih adil didalam semua bidang yang terdapat kepentingan banyak bagi orang-orang yang benar-benar miskin, samada dikawasan bandar maupun diluar bandar. Adalah tidak adil hanya setakat sebahagian orang sahaja yang mendapat kemudahan yang berlebihan didalam bandar dan sebilangan besar lagi yang tinggal diluar bandar hanya mendengar sahaja kemewahan orang-orang dibandar.

Penyusunan semula masyarakat untuk membahagikan perkembangan ekonomi secara yang lebih adil kepada semua kaum, disamping memberi perhatian lebih kepada kaum yang kurang maju didalam sesuatu bidang ekonomi adalah wajar dicatatkan, setidaknya-tidaknya kaum yang kurang maju dalam bidang ekonomi dimana satu kaum lain lebih maju darinya itu di beri pertolongan yang sungguh-sungguh semoga matalamat hendak menyelaraskan kadar perkembangan dalam bidang itu benar-benar mencapai ke 50% - 50% serta yang menikmati benar-benar termasuk golongan orang-orang miskin yang cara hidup mereka dengan hasil kebun kecil, tangkapan ikan, tunaian padi dan getah yang ditoreh.

Pada hemat saya Kerajaan benar-benar telah menyedari betapa perlu diberi pertolongan yang sungguh-sungguh kepada orang-orang miskin terutama didalam Rancangan Malaysia ke tiga ini

serta memastikan mereka itu melibatkan diri secara serius didalam sesuatu bidang ekonomi yang diuntukkan kepada mereka didalam Rancangan Malaysia ke tiga itu. Kajian yang akan dilakukan khas mengenai masalah kemiskinan diluar bandar dan dibandar yang dinyatakan oleh Dr Mahathir itu jelas menunjukkan sikap Kerajaan bahawa sebenarnya Kerajaan hendak menolong orang-orang miskin dan memberi peluang-peluang yang wajar kepada mereka yang miskin memungut faedah dari Rancangan Malaysia ke tiga.

Tidaklah dimafikan bahawa sebilangan besar kanak-kanak yang miskin dalam negara ini telah diberi peluang belajar dan melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti sanada didalam negeri maupun diluar negeri, yang dulu tidak terdapat sebelum wujudnya dasar pelajaran kebangsaan dan dasar ekonomi baru dinegara ini. Sungguhpun sekarang ini terdapat sistem persekolahan yang berjenis-jenis diperingkat rendah tetapi bila sampai diperingkat menengah dan Universiti sistem berjenis-jenis itu tidak timbul lagi. Walaupun demikian, kemudahan-kemudahan yang diberikan tidaklah terdapat apa-apa perbezaan sekiranya dibandingkan antara sekolah jenis kebangsaan dengan sekolah kebangsaan.

Saya berpendapat, disamping Kerajaan membahagi kemiskinan, pihak-pihak tertentu yang lain patutlah membantu Kerajaan mewujudkan persefahaman dan perpaduan yang kokoh dari peringkat rendah hinggalah ke peringkat tinggi, diperingkat kanak-kanak hinggalah ke peringkat dewasa. In i boleh diwujudkan melalui pelaksanaan yang tegas dasar pelajaran kebangsaan kita, jika pihak-pihak yang mempunyai kepentingan didalam negara ini benar-benar jujur untuk mewujudkan persefahaman dan perpaduan itu dengan amalan, tiada sebab persekolahan dalam negara ini perlu lagi diwujudkan berjenis-jenis diperingkat rendah. Sudah sampai masanya sekolah kebangsaan sekarang ini menjadi teras serta lambang persekolahan diperingkat rendah untuk menyatukan bangsa Malaysia yang berbagai-bagai keturunan dan suku-suku itu.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak bagi mewujudkan perpiduan itu melalui satu bimbung sekolah yang didalamnya terdiri dari kanak-kanak semua kaum, belajar dengan riang-gembira melalui satu bahasa yang difahami oleh semua. Selagi ini tidak mendapat perhatian dan difahami oleh semua pihak termasuk parti-parti politik dalam negara ini, kita akan menghadapi beberapa perbezaan dan akan lebih merasukan pengasingan diantara sesama kita, sanada di bidang ekonomi maupun dibidang pelajaran serta kebudayaan pada masa depan.

Pejabat Setiausaha Agung,
Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru
Bahasa Malaysia,
Malaysia Barat.
57 Jalan 23;
Kepong Baru,
Kepong,
Kuala Lumpur.

Tarikh 29hb Julai, 1976.